



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pak belang masuk kampung

Dungun: Penduduk Kampung Besol, Bukit Besi di sini, dikejutkan dengan kehadiran harimau belang yang berkeliaran di kawasan hutan berdekatan kampung itu, semalam.

Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Ghazali Sulaiman berkata, pihaknya menerima aduan penduduk yang memaklumkan mereka terserempak haiwan itu jam 10 pagi.

"Harimau itu muncul beberapa kali berdekatan kawasan kediaman penduduk. Ini kali pertama haiwan itu muncul berhampiran hutan sebelum menghilangkan diri selepas terserempak dengan penduduk.

"Malah, harimau itu muncul berhampiran rumah seorang wanita dan penghuninya menyedarinya

kehadiran selepas mendingar harimau itu mengaum.

"Bagaimanapun, suri rumah berusia 40-an itu sempat melarikan diri bagi mendapatkan bantuan jiran kerana bimbang diserang," katanya, semalam.

Katanya, kemunculan harimau belang kali pertama berlaku di kampung berkenaan dan pihaknya tidak pasti haiwan berkenaan sesat dari hutan simpan berdekatan atau sebaliknya.

"Ada penduduk mendakwa melihat dua harimau tetapi kami tidak dapat memastikan kesahihannya lagi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Terengganu, Dr Abdul Malik Mohd Yusof ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan dan pihaknya kini mengesan haiwan berkenaan.



HARIMAU yang didapati berkeliaran di Kampung Besol, Bukit Besi, semalam.